



IJM Corporation Berhad dan kumpulan syarikatnya komited untuk menggalakkan kelestarian alam sekitar dan mengakui tanggungjawab kami untuk melindungi alam sekitar dalam semua aktiviti dan operasi kami.

Kami komited untuk menyumbang ke arah dunia yang lebih lestari melalui perancangan, reka bentuk dan operasi perniagaan kami.

Kami percaya terhadap usaha menjadikan perlindungan alam sekitar sebagai asas dan perkara penting dalam budaya kami dan akan berusaha untuk mencapainya dengan:

- Menyediakan kepimpinan yang berkesan, jelas dan dapat dijadikan contoh;
- Memupuk nilai dan cara pemikiran yang betul dalam kalangan pekerja;
- Menggalakkan komunikasi dua hala, pelibatan dan penyertaan yang berkesan pada semua peringkat tenaga kerja, rakan perniagaan, pembekal dan subkontraktor kami bagi meningkatkan komitmen mereka terhadap Alam Sekitar termasuk pematuhan kepada Pernyataan Dasar Alam Sekitar IJM;
- Menyediakan dana dan sumber yang mencukupi, termasuk penyeliaan, latihan dan kemudahan, yang diperlukan dalam menjalankan perniagaan kami untuk memastikan amalan lestari sentiasa dipatuhi bagi memenuhi objektif alam sekitar kami; dan
- Bekerjasama dengan industri serta pihak berkepentingan lain dengan tujuan untuk merangsang penambahbaikan terhadap alam sekitar.

IJM Corporation Berhad dan kumpulan syarikatnya menghendaki agar semua operasi, produk dan perkhidmatan organisasi mencapai tahap persekitaran kerja dengan berusaha untuk mengelakkan apa-apa bentuk pencemaran alam sekitar dan menggalakkan amalan lestari. Selaras dengan prinsip yang menjadi panduan utama kami, iaitu "**Melindungi Alam Sekitar**", kumpulan akan berusaha untuk:

- Mencuba sedaya upaya mencegah pencemaran alam sekitar pada semua peringkat operasi kami;
- Mengenal pasti dan menguruskan keadaan keseluruhan organisasi, risiko dan peluang yang mungkin timbul akibat daripada strategi/aktiviti/produk/perkhidmatan dalam organisasi;
- Menilai dan mengurangkan kesan alam sekitar ke tahap yang serendah dan semunasabahnya dapat dilaksanakan;
- Menerapkan, jika sesuai dan dapat dilaksanakan, amalan lestari yang dapat melindungi alam sekitar;
- Memantau dan menyemak semula sistem pengurusan kami dan objektif organisasi secara proaktif; dan
- Memastikan pematuhan terhadap semua undang-undang alam sekitar serta keperluan lain yang terpakai.

Kami akan memastikan agar semua keperluan ini dinyatakan dalam Sistem Pengurusan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar yang telah diwujudkan bagi memenuhi keperluan dan jangkaan pihak berkepentingan kami. Organisasi akan berusaha untuk terus menambah baik sistem; walau bagaimanapun, sokongan padu dan profesionalisme terbaik daripada semua pekerja adalah penting untuk menjadikannya benar-benar berjaya.

Liew Hau Seng
Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan
1 Disember 2020